

28 banduan wanita dakwa diserang secara seksual

Benita Harian (30/7/2022)P

Washington: Banduan wanita di sebuah penjara di Indiana, Amerika Syarikat (AS) memfailkan saman berhubung dakwaan seorang wadar menjual kunci sel kepada banduan lelaki yang kemudian melakukan serangan seksual.

Dalam saman yang difailkan di Mahkamah Daerah AS, seramai 28 wanita mendakwa mereka diserang sejurus selepas tengah malam 23 Oktober 2021 di penjara Clark County di Jeffersonville.

Banduan wanita itu mendakwa David Lowe, memberikan kunci kepada banduan lelaki dengan harga AS\$1,000 (RM4,448).

Dakwa mereka, serangan oleh banduan lelaki yang memakai topeng tuala dan selimut itu berlangsung kira-kira dua jam dan walaupun terdapat kamera pengawasan, wadar tidak campur tangan.

“Walaupun kejadian itu mem-babitkan beberapa tahanan lelaki dan berpuluh-puluh mangsa dalam tempoh yang panjang, tidak seorang pun pegawai penjara yang bertugas pada malam itu datang untuk membantu plaintif dan mangsa lain,” katanya. AFP